



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Majlis Keselamatan Negara (MKN) **menafikan** bahawa pihak MKN ada mengeluarkan infografik berkenaan dengan Panduan Perkhidmatan, Perniagaan dan Industri Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan yang turut menyatakan berkenaan dengan kebenaran beroperasi kelab-kelab golf pada hari-hari tertentu. Orang ramai diminta untuk merujuk Telegram Rasmi MKN (<https://t.me/MKNRasmi>) untuk mendapatkan maklumat yang sahih.
2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **menafikan** pernah mengeluarkan sebarang tarikh Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2020 yang merangkumi Ujian Lisan SPM pada 8 sehingga 25 Jun, Ujian Setara pada 20 sehingga 31 Julai, Peperiksaan Percubaan SPM pada bulan November 2020 dan Peperiksaan SPM Bertulis pada 1 sehingga 31 Mac 2021.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
30 April 2020 | 9.30 Pagi**

